

05 DEC 1996

IPP-Sosial

IPP MENGEMUKAKAN CADANGAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL

KUALA LUMPUR, 5 Dis (Bernama) -- Pengeluar Tenaga Persendirian (IPP) hari ini mengemukakan beberapa cadangan kepada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos mengenai bagaimana mereka boleh berkongsi tanggungjawab sosial bersama Tenaga Nasional Berhad.

Cadangan itu dibuat di mesyuarat bersama dengan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie di Kementerian itu di sini.

Ketua Setiausaha Kementerian itu Datuk Nuraizah Abdul Hamid yang mengumumkan demikian hari ini bagaimanapun tidak menyatakan butir-butir lanjut cadangan itu.

Menyifatkan mesyuarat itu sebagai positif, beliau berkata mesyuarat kedua akan diadakan bersama IPP untuk membincangkan dengan terperinci butir-butir cadangan itu sebelum ia dikemukakan kepada kerajaan.

Mesyuarat selama sejam itu dihadiri oleh wakil-wakil daripada PD Power, YTL Power Generation Sdn Bhd, Powertek Bhd, Genting Sanyen Power Sdn Bhd, Segari Energy Ventures, Persatuan Penjana Bebas, Tenaga Nasional dan pegawai-pegawai Kementerian.

Mesyuarat hari ini diadakan atas permintaan IPP ekoran seruan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang IPP juga mempunyai tanggungjawab sosial.

Kerajaan juga telah menyatakan harapannya yang IPP boleh memainkan peranan dalam membekalkan tenaga elektrik ke kawasan luar bandar untuk mengurangkan beban pada Tenaga Nasional.

Dr Mahathir telah menjelaskan dengan tegas, adalah tidak wajar bagi IPP untuk meminta harga yang tinggi bagi bekalan elektrik dan berkata kerajaan mungkin terpaksa menghentikan pembinaan lebih banyak IPP jika mereka hanya mahu menjanakan tenaga dan bukan mengagihkannya.

Moggie juga baru-baru ini telah menyatakan harapannya yang IPP akan muncul dengan penyelesaian yang praktikal bagi membolehkan mereka membekalkan tenaga ke luar bandar tanpa mengubah perjanjian yang telahpun dibuat. -- BERNAMA

AFY AD PR